Persatuan Pengguna Pulau Pinang
Consumers Association of Penang
槟城消费人协会 பினாங்கு பயனீட்டாளர் சங்கம்

10 Jalan Masjid Negeri, 11600 Pulau Pinang, Malaysia
Tel: 604-8299511 Fax: 604-8298109
email: consumerofpenang@gmail.com

*Websites:*
www.consumer.org.my

**Kenyataan Media** **10 Disember 2021**

## CAP GESA MASALAH PEKEBUN SAYUR DI PERMATANG PAUH DITANGANI SEGERA

Kira-kira 40 pekebun sayur di Kampung Pertama, Permatang Pauh daerah Seberang Perai Tengah (SPT) Pulau Pinang telah mengalami kerugian ribuan ringgit kerana kebun sayur mereka kerap dilanda banjir sejak lebih 30 tahun yang lalu.

Walau pun masalah ini telah lama berlaku dan banyak aduan telah dikemukakan kepada pihak berkenaan namun hingga kini tidak ada tindakan yang diambil bagi mengatasinya.

Dalam tinjauan yang dibuat, Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) difahamkan oleh penanam sayur yang terlibat bahawa pada tahun ini sebanyak 10 kali kawasan kebun sayur mereka dilanda masalah itu.

Berikutan kejadian tersebut beberapa jenis sayur yang ditanam termasuk sawi, bendi, bayam serta kangkong telah rosak dan tidak boleh dijual sekali gus menjejaskan sumber pendapatan mereka.

Penanam sayur di sini memberitahu CAP punca kejadian itu ialah sistem saliran di kawasan tersebut tidak berfungsi kerana pintu air tidak dibuka menyebabkan pengaliran air hujan tersekat dan bertakung.

Justeru, CAP menggesa Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Jabatan Pertanian menyiasat punca sebenar kejadian ini di samping mengambil tindakan segera bagi mengatasinya.

CAP percaya jika masalah tersebut berlarutan kerosakan tanaman akan terus berlaku dan para pekebun sayur di sini akan terjejas sumber pendapatan mereka dengan lebih serius pada masa akan datang.

CAP turut bimbang pengeluaran hasil tanaman sayuran yang terjejas di kawasan itu akan memberi kesan kepada peningkatan harga bahan tersebut di pasaran tempatan dan membebankan para pengguna.

Demi mengekalkan sumber bekalan makanan ini bagi keperluan penduduk tempatan dan kawasan berhampiran, CAP berharap tindakan berkesan diambil oleh pihak berkenaan membantu pekebun-pekebun yang terlibat meneruskan aktiviti mereka.

**Mohideen Abdul Kader**
**Presiden**
**Persatuan Pengguna-Pengguna Pulau Pinang (CAP)**